

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	18 MARCH 2015

# Beri Najib ruang buktikan kemampuan

Um - 18/3/2015

**KUALA LUMPUR 17 Mac** - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sewajarnya diberikan ruang dan masa untuk memajukan negara ini dengan solidariti diperlukan daripada semua pihak.

Presiden Parti Rakyat Sarawak (PRS), Tan Sri Dr. James Jemut Masing berkata, kritikan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad terhadap Najib berkaitan isu 1Malaysia Development Bhd. (1MDB) amat mengecewakan kerana menjejaskan semangat perpaduan.


"Perdana Menteri telah meminta agensi berkaitan untuk melakukan audit (terhadap 1MDB). Biar mereka lakukan kerja mereka. Serahkan kepada Datuk Seri Najib untuk melakukan tugasnya. Beri ruang dan masa kepada orang-orangnya untuk melakukan tugas demi kemajuan Malaysia.

"Lagipun, Tun Mahathir telah diberikan tempoh selama 22 tahun untuk mentadbir Malaysia dan beliau telah melakukan tugas yang cemerlang meskipun terdapat kritikan terhadap pentadbirannya ketika itu," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Menurut beliau, sebagaimana parti-parti politik lain, kekuatan UMNO bergantung kepada solidariti ahli-ahlinya untuk saling bekerjasama.

"Kritikan oleh ahli-ahli parti hanya boleh diterima sekiranya bertujuan untuk memperkukuh parti dan bukannya untuk menjatuhkan pemimpin," katanya.

Katanya, semua pihak perlu bersikap matang dalam memberi tempoh kepada Najib untuk membuktikan kemampuannya mentadbir Malaysia.



**Kritikan oleh ahli-ahli parti hanya boleh diterima sekiranya bertujuan untuk memperkukuh parti dan bukannya untuk menjatuhkan pemimpin."**

**JAMES JEMUT MASING**  
Presiden PRS